

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2015

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) bagaimana kejatuhan nilai Ringgit Malaysia yang mendadak memberi kesan kepada ekonomi Negara; dan

(b) langkah-langkah Kerajaan memastikan Ringgit Malaysia berdaya saing di pasaran global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyusutan nilai ringgit kebelakangan ini, pada keseluruhannya memberi kesan kepada ekonomi negara tetapi kesannya tidak begitu ketara. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak akhir September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luar. Dalam tempoh akhir September 2014 hingga 11 November 2015, nilai ringgit menyusut sebanyak 25.1%, terutamanya didorong oleh aliran keluar portfolio. Mata wang utama dan serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 7.3% hingga 22.4% berbanding dolar AS dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, trend ini mula menunjukkan perubahan dan nilai ringgit mula pulih sebanyak 1.8% bagi tempoh 1 Oktober sehingga 11 November 2015.

2. Penyusutan nilai ringgit adalah disebabkan oleh jangkaan pelabur terhadap kemungkinan kadar faedah di AS dinaikkan. Ini telah menggalakkan minat pelabur terhadap pegangan aset dalam nilai dolar AS lantas menyebabkan aliran keluar daripada pasaran negara membangun pesat berkembang. Tambahan pula, kebimbangan pelabur terhadap

pertumbuhan ekonomi serantau yang dicetuskan oleh prospek pertumbuhan lebih perlahan di China telah meningkatkan aktiviti penghindaran risiko oleh para pelabur di pasaran negara membangun pesat berkembang serta menambah tekanan terhadap mata wang serantau.

3. Ketidaktentuan perkembangan ekonomi di Greece dan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi China serta penurunan yuan pada bulan Ogos turut menjejaskan prestasi mata wang serantau. Mata wang negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut menerima kesan daripada kejatuhan ketara harga minyak dunia. Selain daripada itu, faktor dalam negeri turut menyebabkan kejatuhan nilai mata wang ringgit antaranya isu penarafan daripada agensi antarabangsa. Dalam tempoh 1 September 2014 hingga 11 November 2015, mata wang pengeksport komoditi menyusut nilai seperti Uruguay (16.1%) dan Rusia (39.5%).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Ekonomi Malaysia kekal kukuh walaupun dalam persekitaran luar yang

tidak menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia, volitiliti pasaran kewangan serta kelembapan ekonomi serantau yang memberi kesan kepada ekonomi negara. Ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan KDNK benar antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2015 disokong oleh pengukuhan permintaan domestik, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Dari sudut penawaran, pertumbuhan disokong oleh pertumbuhan yang menyeluruh semua sektor ekonomi.

5. Penunjuk ekonomi utama terkini menunjukkan prestasi yang semakin baik. Eksport kasar yang mengalami pertumbuhan negatif 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2015 telah mula menunjukkan peningkatan sebanyak 5.5% dalam tempoh suku ketiga 2015 (Julai - September 2014: 1.5%) disokong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan dan pertanian. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2015, lebihan imbangan dagangan mencatat peningkatan sebanyak RM63.9 bilion berbanding RM61.5 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2014. Ini menunjukkan imbangan dagangan negara berada pada aras yang baik.

Pada 30 Oktober 2015, kedudukan rizab antarabangsa Malaysia juga meningkat kepada RM417.9 bilion atau USD94 bilion yang mencukupi

untuk menampung 8.7 bulan import tertanggung dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek berbanding 28 Ogos 2015 yang mencatat kedudukan rizab antarabangsa paling rendah (RM357.7 bilion; USD94.7 bilion).

6. Ketidaktentuan kedudukan global masa ini memerlukan tindakan lebih responsif dan tegas. Dengan mengambil kira keadaan semasa, Kerajaan mengambil langkah untuk menangani dan mengurangkan sebarang impak global kepada ekonomi negara serta nilai ringgit. Antara langkah tersebut termasuk:

a. pada 20 Januari, Kerajaan telah mengumumkan bahawa:

- i. perkhidmatan gantian-import seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional dipromosi secara aktif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar; dan
- ii. syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Pelaburan (GLIC) digalakkan melabur dalam negara; dan

b. pada 14 September, Kerajaan melalui Jawantankuasa Khas Ekonomi

(JKE) mengumumkan bahawa:

- i. GLC dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) adalah digalakkan untuk menzahirkan keuntungan daripada pelaburan mereka di luar negara untuk dilaburkan di dalam negeri dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi. Syarikat swasta Malaysia juga digesa untuk mengambil langkah yang serupa;
- ii. pengecualian visa kepada pelancong dari negara China yang masuk secara berkumpulan bermula 1 Oktober 2015 sehingga 31 Mac 2016; dan
- iii. pengecualian duti import ke atas 90 baris tarif yang terdiri daripada alat ganti, bahan guna habis dan peralatan penyelidikan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan adalah khusus untuk sektor perkilangan.

c. pada 23 Oktober, melalui Bajet 2016 pula Kerajaan:

- i. memberi pelepasan GST bagi pengimportan semula barangan yang telah dieksport secara sementara bagi tujuan promosi, penyelidikan atau pameran serta peralatan yang layak yang dieksport secara sementara bagi tujuan sewaan dan pajakan seperti pelantar minyak dan platform terapung bagi mengurangkan kesan penyusutan nilai mata

- wang ke atas harga barangan import; dan
- ii. menyediakan kemudahan credit swap Ringgit-Renminbi kepada bank tempatan bagi mempelbagaikan penggunaan matawang asing untuk urusan perdagangan pula.

Tuan Yang Dipertua,

Prestasi ekonomi dijangka terus berkembang dengan mapan disokong dengan inisiatif strategik yang dibentangkan dalam Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015. Meskipun Malaysia terdedah dengan perkembangan luar yang tidak menentu ini, pertumbuhan bagi tahun 2016 dijangka dalam lingkungan 4% hingga 5% dipacu oleh permintaan domestik.